

PENANG  
2030



# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

[www.buletinmutiara.com](http://www.buletinmutiara.com)



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow



## Kampung Kuala Mengkuang 'sebuah taman indah'

ARCA pokok mengkuang yang menjadi identiti kampung ini.

**M**ENJEJAKKAN kaki ke Kampung Kuala Mengkuang dekat Penanti dalam daerah Seberang Perai Tengah (SPT) seakan-akan memasuki sebuah taman indah dengan dihiasi landskap yang serba teratur dan berwarna-warni.

Paling mencuri tumpuan adalah lukisan mural unik bermotifkan flora di sepanjang jambatan landasan kereta api serta beberapa arca menarik yang menjadikan Kampung Kuala

Mengkuang sesuai sebagai lokasi 'Instagrammable'.

Kampung Kuala Mengkuang merupakan salah satu daripada 43 kampung di seluruh negara yang dipilih sebagai 'Kampung Angkat Madani' sekali gus layak menerima peruntukan RM2.5 juta bagi tujuan pembangunan infrastruktur setempat.

Difahamkan, Kampung Kuala Mengkuang dihuni oleh sekitar 300 keluarga dengan jumlah penduduk seramai kira-kira 1,300 orang.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Kuala Mengkuang, **IBRAHIM DIN** berkata, sebanyak 34 program dan projek pembangunan infrastruktur di bawah program 'Kampung Angkat Madani' telah diluluskan oleh Unit Penyelarasaran Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

"Pada Februari 2024, saya menerima panggilan daripada ICU JPM yang menyatakan bahawa Kampung Kuala Mengkuang dipilih sebagai 'Kampung Angkat Madani'.

"Susulan daripada itu, satu lawatan singkat daripada Ketua Pengarah ICU JPM, Datuk Azman Ibrahim pada Mac 2024 yang mana dalam pertemuan itu saya mengemukakan beberapa cadangan pembangunan infrastruktur diperlukan oleh komuniti setempat.

"Alhamdulillah, semua projek yang kami kemukakan dipersetujui dan telah diluluskan oleh pihak ICU JPM," katanya



IBRAHIM Din menunjukkan arca yang dibina di pintu gerbang Kampung Kuala Mengkuang dekat sini.

kepada penulis Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** ketika ditemui sempena wawancara khas dekat Kampung Kuala Mengkuang di sini baru-baru ini.

### Naik taraf tebing Sungai Kulim

Ibrahim berkata, projek pertama dicadangkan adalah menaik taraf tebing Sungai

Kulim yang merupakan lokasi tumpuan kaki pancing sama ada dari dalam dan luar Pulau Pinang.

"Kami mahu kawasan Sungai Kulim dan sekitarnya dinaik taraf untuk dijadikan sebagai pusat riadah serta rekreasi bagi menarik kehadiran lebih ramai pengunjung, di samping aktiviti memancing yang kian popular di sini."

(Sambungan di muka 2).



SALAH satu mercu tanda yang terdapat di sini.

# 'Kampung Angkat Madani'



**HASIL kraftangan menggunakan teknik anyaman menghiasi jajaran landasan kereta api di sini. (Ihsan: JPS Negeri).**

"Sejak dahulu lagi, Sungai Kulim memang terkenal dengan aktiviti memancing kerana kaya dengan pelbagai spesies ikan air tawar seperti lampam, baung, kel, talapia, udang galah dan lain-lain yang menjadi sumber pendapatan penduduk setempat.

"Antara skop kerja menaik taraf adalah membina trek jogging sepanjang 1.5 kilometer (km) dari Mengkuang Mak Sulong sehingga ke rumah pam Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang di sini, di samping menyediakan pondok-pondok kecil bagi kemudahan pengunjung dan kaki pancing.

"Selain itu, ICU JPM juga telah menaik taraf dan membaik pulih kawasan sekitar Sungai Kulim, di samping membina sebuah dewan untuk dijadikan sebagai pusat pemindahan sementara (PPS) apabila berlaku bencana banjir," katanya.

Menurut beliau, projek lain yang turut dilaksanakan adalah membina dan menaik taraf jalan-jalan kampung serta memasang 30 unit lampu jalan untuk manfaat penduduk setempat serta pengunjung yang bertandang.

"Projek terakhir yang kami mohon dalam perbincangan tersebut adalah membina mercu tanda seperti pintu gerbang, arca serta lukisan mural yang unik di sepanjang jambatan landasan kereta api yang merentangi Sungai Kulim.

"Lukisan mural ini dihasilkan dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) yang mana ia telah mendapat pengiktirafan dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai Seni Mural

Pertama Di Jambatan Landasan Keretapi," katanya.

## Libatkan 14 rakan strategik

Tambah Ibrahim, projek menaik taraf dan mengindahkan Kampung Kuala Mengkuang adalah hasil kerjasama daripada 14 rakan strategik termasuk agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta.

"Contohnya, projek menaik taraf tebing Sungai Kulim telah dilaksanakan oleh JPS Pulau Pinang, manakala pembinaan area dan lukisan mural dibuat oleh USM serta beberapa kemudahan kecil lain yang disumbangkan oleh NGO dan pihak swasta.

"Kami juga menerima cadangan daripada pihak USM supaya satu papan tanda besar

"Malah, pihak Kereta Tanah Melayu (KTM) turut memainkan peranan dengan mempromosikan Kampung Kuala Mengkuang sebagai 'Kampung Angkat Madani' melalui siar raya kepada penumpang mereka apabila tiba di jambatan landasan kereta api tersebut.

"Kami juga menerima cadangan daripada pihak USM supaya satu papan tanda besar dipasang di tebing Sungai Kulim bagi memudahkan orang ramai mengenali Kampung Kuala Mengkuang," ulasnya lanjut.

Menurut Ibrahim, kehadiran pengunjung ke Kampung Kuala Mengkuang dilihat semakin meningkat selepas beberapa projek menaik taraf dilaksanakan dan diserahkan kepada pihak (MPKK) pada 24 Februari lalu.

"Kalau sebelum ini yang datang cuma kaki pancing, tetapi sejak ada pelbagai

kemudahan, dapat dilihat kedatangan pengunjung kini kian meningkat terutamanya pada hujung minggu.

"Kebanyakan mereka datang adalah untuk beriadah serta bersantai bersama-sama keluarga dan berswafoto di hadapan arca-arca menarik termasuk sekitar kawasan lukisan mural yang cantik di sini.

"Kami juga sedang berusaha untuk membaik pulih sebuah kedai makan sedia ada yang kini telah usang untuk kemudahan para pengunjung yang ingin menikmati makanan di tepi sungai," katanya lagi sambil menambah bahawa semua kos penyelenggaraan infrastruktur tersebut kini ditanggung sepenuhnya oleh pihak MPKK.

Tambahnya, pihak ICU JPM juga telah melancarkan projek pertanian sayur berdaun membabitkan peruntukan RM100,000

yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Kariah Masjid Kampung Kuala Mengkuang.

"Keduanya adalah tanaman herba berbentuk mitigasi yang diusahakan oleh golongan belia di bawah program 'Kampung Angkat Madani' yang mana kedua-dua projek ini berjalan lancar dan sudah berjaya dituai sebanyak dua kali setakat ini," jelasnya.

## Perancangan masa depan

Mengulas lanjut, Ibrahim memberitahu, bagi menarik lebih ramai kehadiran pengunjung pada masa hadapan, MPKK Kampung Kuala Mengkuang merancang untuk mewujudkan sebuah pasar pagi di kawasan berhampiran tebing Sungai Kulim.

"Kami telah mengadakan perbincangan dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk pelesenan, malah pihak JPS Pulau Pinang dan Pejabat Daerah SPT juga telah bersetuju dengan cadangan tapak yang kami kemukakan.

"Cuma selepas ini kami ingin memohon pihak JPS Pulau Pinang untuk membina pagar keselamatan di tebing Sungai Kulim yang akan menjadi lokasi bagi penganjuran pasar pagi kelak.

"Kami juga akan mengadakan lebih banyak promosi mengenai keindahan kampung melalui platform media sosial seperti Facebook, Tik Tok dan juga Instagram," ujarnya.

(Sambungan di muka 15).



**SALAH** satu lokasi *Instagramable* yang sering menjadi tumpuan pengunjung.

# Kompleks Sukan dan Rekreasi Sony diharap lahir lebih ramai atlet profesional

Gambar : SIEW CHIA EN

**SEBERANG JAYA** - Kerja-kerja menaik taraf Kompleks Sukan dan Rekreasi Sony dekat sini akan mengambil masa setahun untuk disiapkan dan dijangka dapat dibuka kepada umum pada Mac tahun depan.

Projek melibatkan kos kira-kira RM12 juta itu akan dilaksanakan oleh syarikat berpengalaman lebih lima tahun dalam pengurusan dan fasiliti sukan, Sportizza Sdn. Bhd. yang turut bertanggungjawab menguruskan serta menyelenggara fasiliti di kompleks sukan tersebut selama 30 tahun.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap agar kompleks sukan tersebut dapat menjadi platform untuk melahirkan lebih ramai atlet profesional di negara ini.

"Selain boleh digunakan oleh komuniti di Seberang Perai, khususnya Seberang Jaya, pihak syarikat juga akan menganjurkan program-program latihan untuk mencungkil bakat baru dalam bidang sukan."

"Dari kompleks sukan ini, kita berharap dapat melahirkan atlet-atlet jaguh bukan sahaja

KETUA Menteri sambil ditemani Daniel Gooi Zi Sen (kanan sekali) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan pelan pembangunan Kompleks Sukan dan Rekreasi Sony yang bakal dinaik taraf pada sidang media di sini baru-baru ini.



pada peringkat negeri, malah juga peringkat negara dan antarabangsa," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan majlis pecah tanah bagi pelaksanaan projek tersebut di sini pada 2 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Chee Yeeh Keen; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Baderul Amin Abdul Hamid; Pengarah

Eksekutif Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang, Rashidah Jalaludin dan Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengarah Urusan Sportizza Sdn. Bhd., Chiew Chun Yong.

Menurut Kon Yeow, kompleks sukan berkeluasan lebih lapan ekar itu bakal menyediakan sebuah padang bola sepak jenis rumput tiruan dengan 200 tempat duduk penonton.

"Selain itu, kompleks ini juga akan dilengkapi dengan lima

gelanggang futsal dengan salah satu daripadanya adalah bersaiz FIFA, gelanggang badminton (12) dan gelanggang pickel ball (5).

"Kemudahan lain yang turut disediakan adalah seperti bilik persalinan, gimnasium, kedai, surau, tandas, bilik mesyuarat,

tempat letak kereta dan lain-lain lagi.

"Gelanggang badminton dan futsal sedia ada di sini dapat digunakan sebagai gelanggang serba guna aktiviti sukan lain seperti bola jaring, bola tampar, hoki, *dodgeball*, tenis, bola keranjang dan lain-lain lagi," ulasnya lanjut.

Sementara itu, Zi Sen berharap projek menaik taraf kompleks sukan dan rekreasi tersebut dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan.

"Kerajaan Negeri ingin mengucapkan tahniah kepada Sportizza Sdn. Bhd. yang berjaya dalam tender terbuka *Request for Proposal* (RFP) dan berharap projek ini dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan.

"Saya juga berharap agar Sportizza Sdn. Bhd. dapat menjalankan kerja menaik taraf dan menyediakan pembangunan Kompleks Sukan dan Rekreasi Sony, Seberang Jaya dengan kemudahan baru bagi kegunaan orang awam," katanya.

## Program i-Sejahtera diteruskan

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

**GEORGE TOWN** -

Sejumlah RM49,457,000 dibayar kepada 274,151 penerima di bawah Program i-Sejahtera Fasa 1 tahun ini mulai 12 Mac 2025.

Menurut Kon Yeow, bayaran tersebut disalurkan secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) ke akaun penerima mulai 12 Mac 2025.

"Sebagaimana diketahui bahawa Program i-Sejahtera ini merupakan bukti kesungguhan Kerajaan Negeri dalam mengutamakan agenda kebijakan serta mengiktiraf jasa dan sumbangan rakyat Pulau Pinang.

"(Malah) Kerajaan Negeri juga amat prihatin terhadap keperluan rakyat Pulau Pinang dan sentiasa memastikan bantuan kebijakan yang disalurkan dapat meringankan beban golongan memerlukan.

"Justeru, bagi Program i-Sejahtera Fasa 1 Tahun 2025 ini, seramai 274,151 penerima akan menerima manfaat yang mana seramai 205,089 individu adalah penerima di bawah Program Penghargaan Warga Emas; Program Suri Emas (43,321); Program Bantuan Orang Kurang Upaya (15,330) dan Program Bantuan Ibu Tunggal (10,411)," ujarnya pada sidang media berkaitan di sini.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memaklumkan bahawa mana-mana permohonan yang dikemukakan selepas tarikh 10 Februari 2025 akan menerima pembayaran pada Fasa 2 nanti.

"Pemohonan boleh dibuat melalui laman web rasmi i-Sejahtera dan mereka (pemohon) digalakkan untuk mengemas kini maklumat akaun bank bagi memastikan pembayaran Fasa 2/2025 berjalan lancar," jelasnya.

"Terutamanya Pejabat Kewangan Negeri; Pejabat Daerah dan Tanah di kelima-lima daerah; Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) atas komitmen serta dedikasi dalam memastikan semua pembayaran Program i-Sejahtera Negeri Pulau Pinang berjalan lancar setiap tahun," katanya.

Difahamkan, pada tahun 2024, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM50,542,400 kepada 280,633 penerima dalam pelbagai program kebajikan di bawah inisiatif Program i-Sejahtera merangkumi sumbangan tahunan serta sekali bayar (*one-off*) antara RM100 hingga RM200 seorang.

Pada sidang media sama, Kon Yeow turut menyampaikan sumbangan kepada penerima terpilih sebagai simbolik bayaran Program i-Sejahtera Fasa 1 Tahun 2025.



Pertandingan video pendek

Tema:  
Memori Beraya Di Pulau Pinang

MENANG dengan 3 langkah mudah



Ambil video mengikut tema yang diberikan.



'Like' dan 'follow' laman Facebook, TikTok dan Instagram rasmi Buletin Mutiara.



Setiap karya mestilah mempunyai tanda pagar #BuletinMutiara, #PulauPinang2025, #Penang2030 dan #LovePenang.

Hadih Utama

RM 1,000

Termasuk Syarat Penyertaan:

- Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas.
- Video pendek harus berdurasi maksimum satu minit mengikut tema yang diberikan.
- Karya adalah osil tanpa menciplak mana-mana hasil kerja. Karya dilarang menjadi hak milik pihak pengurusan.
- Penyerahan bermula pada 28 Mac 2025 manakala tarikh tutup pada 30 April 2025.
- Peserta digalakkan menetapkan akaun media sosial sebagai 'public' untuk memudahkan proses penjurian.
- Keputusan panel juri adalah mutlak.
- Kos penghantaran untuk hadiah pemenang perlu ditanggung oleh pemenang.

# Terap pemikiran budaya hijau

**P**ADA 25 Februari lepas, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Union dekat Jalan Burma telah diiktiraf sebagai johan Anugerah Sekolah Rendah Hijau 2024.

Dalam majlis berkaitan yang dilangsungkan di Komtar, Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo dengan diiringi Pengurus Besar Penang Green Council (PGC), Josephine Tan Mei Ling sendiri menyampaikan anugerah tersebut.

Guru Besar SJKC Union, **LOH MEH YIM** bersama-sama dua guru lain, Jerome Khou dan Lee Ting Hu hadir bagi menerima anugerah tersebut.

Lanjutnya itu, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINUL FAQAR YAACOB** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** berkesempatan menemu ramah Meh Yim di pejabatnya.

Menurut Meh Yim, Anugerah Sekolah Rendah Hijau 2024 yang dimenangi SJKC Union baru-baru ini menambah satu lagi koleksi pengiktirafan buat guru-guru dan para pelajar yang terlibat dalam aktiviti ‘menghijaukan’ sekolah tersebut.

“SJKC Union bukan sekadar mengamalkan

kempen hijau secara luaran untuk memenangi anugerah, (sebaliknya) sekolah kami berusaha untuk menerapkan pemikiran dan budaya hijau sebagai satu tabiat dan sikap berkekalan.

“Perubahan ketara yang dapat dilihat adalah pada sikap para pelajar itu sendiri daripada seorang pemalu kepada individu yang berani bersuara dalam isu-isu berkaitan aktiviti kehijauan di sekolah.

“Para pelajar proaktif termasuk melaporkan kepada guru mengenai keadaan ikan dan tumbuhan di salah satu sudut hijau iaitu ‘Sudut Akuaponik’.

“Malah, ada seorang ‘askar hijau’ pernah kecewa apabila digantung tugas atas sebab kesalahan akademik dan disiplin yang mana lalu merayu kepada guru penasihat supaya diberikan peluang kedua dan berjanji untuk memperbaiki diri demi terus terlibat dalam aktiviti hijau di sekolah,” jelasnya.

Menurut Meh Yim, usaha menyemarak aktiviti hijau dalam kalangan pendidik dan pelajar di SJKC Union telah dilaksanakan sejak beberapa tahun lepas lagi.

Dan, pada tahun 2019, SJKC Union pernah mendapat

pengiktirafan sejagat iaitu Anugerah Sekolah Bertamadun Ekologi Peringkat Antarabangsa dari Pusat Penyelidikan Awam Hijau Dunia, Sekolah Kemanusiaan Universiti Tsinghua (Beijing, Republik Rakyat China) dan Pusat Komunikasi Peradaban Ekologi Malaysia.

“Saya baru satu tahun setengah menjadi Guru Besar di sekolah ini, tetapi usaha penerapan peradaban hijau dalam kalangan guru, murid, PIBG (Persatuan Ibu Bapa dan Guru) dengan sokongan Lembaga Pengelola Sekolah serta alumni telah dilakukan sejak beberapa tahun lepas lagi.

“Pada tahun 2019, SJKC Union telah dipilih menerima Anugerah (Sekolah Bertamadun Ekologi Peringkat Antarabangsa) yang mana menjadikan sekolah ini adalah sekolah rendah pertama negara yang menerima penghormatan dan pengiktirafan sebegini,” ujarnya.

Baginya, anugerah demi anugerah yang dimenangi SJKC Union itu tidak mungkin dicapai jika semua pihak iaitu guru-guru dan ibu bapa sendiri tidak memberi sokongan pada setiap aktiviti kehijauan sekolah yang digerakkan oleh



**LOH Meh Yim (berkemeja perang)** merakam gambar kenangan bersama-sama pasukannya sambil menunjukkan pengiktirafan diterima.

murid-murid.

“Contohnya, dalam aktiviti pembersihan pantai yang dianjurkan pada tahun lepas (2024), ibu bapa sanggup meluangkan masa pada hari Sabtu untuk membawa anak-anak mereka belajar secara langsung mengenai kepentingan pemuliharaan alam semula jadi.

“Selain guru-guru, ibu bapa sendiri turun padang untuk menjayakan pertandingan sisia sifar dianjurkan pihak sekolah yang mana mereka turut

membantu mengumpul dan membersih botol dari kawasan kejiranannya, untuk kitar semula,” ulasnya lanjut.

Bercerita lanjut, Meh Yim menyatakan bahawa pada peringkat sekolah memang ada pelbagai perancangan bagi menerapkan peradaban ekologi dalam jiwa pelajar-pelajar, namun perkara paling mencabar adalah dari sudut kekangan masa.

(Sambungan di muka 14).



ANTARA laluan di sekolah yang dihiasi menggunakan bahan kitar semula.



HASIL kreativiti yang mencuri tumpuan.

# LATIH ATLET PARA NEGERI seru sokongan berterusan

**P**ARA Sukan Malaysia (Para SUKMA) tahun 2024 yang berlangsung di Kuching, Sarawak pada 20 hingga 29 September tahun lepas mencatatkan pelbagai kejayaan buat kontinjen atlet para negeri Pulau Pinang.

Dalam 10 acara yang disertai pada temasya sukan dwitahunan tersebut, kontinjen negeri berjaya membawa pulang sembilan pingat emas, perak (15) dan gangsa (19), menjadikan keseluruhan yang dirangkul adalah sebanyak 43 pingat.

Khusus bagi acara tenpin boling, atlet para negeri telah menyumbang dua pingat emas dan perak (2).

**KU IZHAM KU HARUN**, 43, dan **MUHAMAD SUHAILI AB. HAMID**, 45, menyumbang pingat emas bagi acara beregu terbuka TPB2 + TPB2. Kedua-dua mereka bersama-sama seorang atlet para negeri lain iaitu Mohd. Suhairi Abd. Kadir, 47, turut menyumbang pingat emas bagi acara berpasukan trio terbuka TPB1 + TPB2 + TPB3.

Bagi dua pingat perak yang dirangkul kontinjen para negeri pula, disumbangkan oleh Muhamad Suhaili bagi acara perseorangan terbuka TPB2 dan Mohd. Suhairi (acara terbuka perseorangan TPB1).

Kejayaan demi kejayaan yang dirangkul oleh kontinjen para negeri telah mendorong wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU MOHD. RADZI** menjelaki jurulatih mereka di *Mega Lanes Bowling Center* dekat Kompleks Pasar Raya Megamall Pinang, Perai pada 26 Februari 2025.

Batang tubuh yang dimaksudkan lain tak bukan adalah **MAZLINA NAYAN**, 49, iaitu Pengurus Pasukan Tenpin Boling sempena Para SUKMA 2024.

"Buat masa ini, di bawah saya ada seramai 21 atlet para bagi acara sukan tenpin boling (yang mana) enam orang berada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sementara baki 15 atlet para lain di Pulau Pinang."

"Walaupun ada 15 atlet para di negeri ini, namun seperti yang dilihat

pada petang ini, tidak semua dapat hadir atas pelbagai sebab, antaranya kekangan kerjaya.

"Kebiasaannya yang hadir sesi latihan pada setiap hari Rabu, dari 4.30 petang hingga 6.30 petang adalah atlet para yang mendapat cuti pada hari tersebut ataupun mereka yang masih bersekolah," jelasnya.

Mazlina merupakan tenaga pengajar bertaualiah di Sekolah Sinar Harapan iaitu sekolah kanak-kanak terenjang akal paling tua di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), yang ditubuhkan pada 6 Januari 1968.

Beliau menjadi tenaga pengajar di sekolah istimewa itu sejak 26 tahun lepas, dan bergiat melatih atlet para bagi acara sukan tenpin boling selama 22 tahun.

Beliau kini turut ditaklifkan sebagai Bendahari Persatuan Sukan dan Rekreasi Orang Kurang Upaya Pulau Pinang (PESRON).

"Pernah terlibat (dalam urusetia) Olimpik Istimewa, pada waktu itu ada tawaran daripada Jabatan Belia dan Sukan untuk mencari penggerak (bagi program kejuruteraan dan pengembangan atlet para di negeri Pulau Pinang).

"Sejak tahun 2023, saya melalui Jabatan Belia dan Sukan, menyertai pelbagai kursus dan dari situ baru kami berusaha melatih atlet, menyediakan atlet pelapis serta melaksanakan program pembinaan dan pengembangan atlet bagi acara sukan tenpin boling.

"Untuk melatih atlet para ini memang memerlukan komitmen tinggi, saya beruntung kerana para atlet di bawah saya turut mendapat sokongan moral daripada ibu bapa serta waris mereka.

"Di bawah saya ada pelbagai tahap atlet para, antaranya adalah TPB1 iaitu atlet tenpin boling yang penglihatannya langsung tidak nampak; TPB2 iaitu mereka yang boleh nampak 'sikit-sikit' dan TPB3 iaitu mereka yang boleh nampak 'sikit-sikit' lebih baik berbanding TPB2.

"Saya hanya melatih atlet para sahaja, tetapi proses klarifikasi



**MAZLINA NAYAN** (berdiri, dua dari kiri) dan **Rashidah Mat Saad** (berdiri, tiga dari kiri) merakamkan gambar dengan empat atlet para lain pada sesi latihan yang dijalankan dekat Kompleks Pasar Raya Megamall Pinang, Perai pada 26 Februari 2025.

atlet sama ada TPB1 atau TPB2 atau TPB3 dilakukan oleh (anggota jawatankuasa) Majlis Paralimpik Malaysia (NPC).

"TPB2 dan TPB3 kadang kala boleh bertukar selepas proses klarifikasi (oleh NPC) dan kalau bertukar pada normal, maka mereka boleh hilang kelayakan.

"Kebiasaan, sebagai jurulatih, saya akan berusaha untuk membolehkan mereka bertanding dalam acara para lain, jika mereka berkemampuan dan layak untuk acara tersebut, demi memberi sokongan moral kepada para atlet saya (yang hilang kelayakan atas TPB3)," ulasnya.

Bercerita lanjut, beliau memberitahu bahawa Setiausaha PESRON, Rashidah Mat Saad, 61, yang juga Pengurus Pasukan Para Renang Negeri bagi Para Sukma 2024 turut membantu beliau dalam persiapan atlet para bagi pelbagai acara sukan termasuk tenpin boling.

Rashidah merupakan guru bertaualiah di Sekolah Pendidikan Khas P.E.K.T.A.S dekat Mak Mandin, Daerah Seberang Perai Utara (SPU) yang mana lebih tiga dekad terlibat dalam sektor pendidikan anak-anak istimewa.

Mazlina menyatakan bahawa beliau akan berbincang dengan Rashidah mengenai atlet-atlet para negeri untuk menyertai acara berkaitan juga, jika disahkan hilang kelayakan semasa proses klarifikasi oleh NPC.

Mengakhiri bicarawara, Mazlina

memberitahu bahawa PESRON ingin menzahirkan penghargaan kepada pentadbiran Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow kerana telah meluluskan peruntukan RM104,000 melalui Skim Insentif Kemenangan Sukan (SKIMAS) untuk diberikan kepada mereka yang berjaya membawa pulang pingat kejohanan Para SUKMA 2024 dalam majlis di Komtar pada 23 Januari lepas.

Di samping itu, beliau turut berharap lebih ramai pihak berwajib tampil memberi sumbangan penajaan bagi program-program latihan dan pengembangan atlet di bawah PESRON, dengan sokongan Jabatan Belia dan Sukan.

"Buat masa ini, atlet para yang menyertai SUKMA memang mendapat sokongan dan ke temasya sukan tersebut, tetapi untuk sesi latihan mereka di (pusat tenpin boling,) *Megamall Pinang*, PESRON tanggung ikut kemampuan kewangan semasa persatuan ini.

"PESRON menghantar penyertaan atlet para bagi sukan tenpin boling ini bukan sahaja dalam SUKMA, kalau ada kejohanan lain pun kita hantar dengan dana dibiayai oleh PESRON.

"Jadi, adalah wajar PESRON mendapatkan sokongan dana daripada pihak berkenaan, demi kelangsungan para atlet berlatih, membina jati diri di samping projek-projek pengembangan atlet pelapis untuk menyertai acara para sukan pada pelbagai peringkat," serunya.



LORONG Bagan Luar kini dihiasi dengan mural berwarna-warni pelbagai motif.

## BUTTERWORTH STREET ART

**'BALLOON GIRL'** iaitu lukisan dinding (mural) seorang kanak-kanak melepaskan belon berbentuk hati, yang dihasilkan oleh pelukis jalanan bernama Banksy di kota raya London telah menggantik pelbagai tafsiran, antaranya dianggap sebagai simbol harapan dan kehilangan.

*Bowery Wall* dekat New York, Amerika Syarikat (AS) juga tak kurang daya tarikan pelancongan dengan pelbagai mural berwarna-warni hasil sentuhan pelukis jalanan juga iaitu Keith Haring.

Di negara itu juga, ada *Mount Rushmore of Color* dekat Los Angeles iaitu mural berwarna-warni yang dihasilkan oleh artis seni dari Brazil bernama Eduardo Kobra dengan kaedah kaleidoskop.

Kalau nak merakamkan gambar mural berskala besar, kena menjak kaki ke Berlin, Jerman kerana di sana ada hasil tangan pelukis jalanan, Flu dengan tema '*Big Brother*'.


Di Rio de Janeiro, Brazil, ada lukisan dinding dengan tema '*Women Are Heroes*' yang menampilkan wajah-wajah wanita lokal hasil sentuhan tangan pelukis jalanan JR.

Yang nak menjana inspirasi lebih radikal dan bersulam budaya pop serta aksi berani memprotes terhadap propaganda media, boleh melihat '*Obey Giant*' hasil seni Frank Shepard Fairey di beberapa kota raya dunia seperti Los Angeles, New York, Berlin, London dan Paris (Perancis).

Semua ini adalah contoh seni jalanan iaitu suatu medium seni bagi menzahirkan mesej tertentu dan penting dalam bentuk seni lukis yang unik dan menarik.

Beberapa contoh seni jalanan yang dihasilkan itu bukan sahaja akan menarik lebih ramai pengunjung tempatan

**LIM Guan Eng** (kiri sekali) bersama-sama barisan pemimpin lain menyempurnakan acara gimik perasmian bagi fasa dua projek penaiktarafan Butterworth Street Art dekat Lorong Bagan Luar di sini pada 23 Februari 2025.



dan pengembara antarabangsa, bahkan menjadi tanda bukti mereka pernah menjak kaki ke kawasan-kawasan tarikan pelancong tersebut.

Demikian respons seorang pelukis jalanan sepenuh masa lokal, **ABDUL QOYYUM MOHD. NADZRI**, 32, ketika diminta mengulas mengenai cadangan projek menaik taraf Butterworth Street Art di Lorong Bagan Luar dekat Daerah Seberang Perai Utara (SPU).

"Saya berharap dalam fasa dua (projek penaiktarafan) Butterworth Street Art ini nanti dapat menerapkan lebih banyak elemen keterbukaan dalam mengekspresi hasil seni lukisan dinding.

"Saya harap hasilnya nanti lebih menyerlah elemen '*out of context*' agar ia bukan sekadar lukisan dinding, tetapi memang benar-benar menarik orang untuk datang kerana hanya ada di situ sahaja dan tidak di mana-mana tempat lain."

"Kebiasaan lukisan dinding di mana-mana street



**ABDUL QOYYUM MOHD. NADZRI.**

*art* akan menonjolkan tempat-tempat menarik yang menjadi mercu tanda setempat, jadi saya berharap fasa dua Butterworth Street Art bukan terhad kepada konteks sebegini, sebaliknya mesti lebih terbuka dan unik," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara,

**ZAINULFAQAR YAACOB** pada 12 Mac 2025.

Membesar di Sungai Tiram, Bayan Lepas dan kini bermastautin dekat Bukit Mertajam, Abdul Qoyyum berkata bahawa beliau melukis sepuh masa sejak tahun

lain' iaitu lukisan dengan cat pantulan cahaya, tidak boleh sekadar lukisan dinding yang memerlukan cahaya lampu limpah kalau nak bergambar sebelah malam (seperti dalam Fasa 1)," katanya.

Selain di Montreal, beliau turut mencadangkan pihak berwajib untuk melihat hasil lukisan dinding dan 'graffiti mural' terkenal dekat Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan London.



**MOHD. ZULFADLI AHMAD NAWAWI.**

Nada hampir sama turut dikongsi oleh seorang lagi pelukis jalanan sepenuh masa, 'Akid' atau nama sebenarnya **MOHD. ZULFADLI AHMAD NAWAWI**, 39, yang kini bermastautin di Kajang, Selangor.

"Kebiasaan pelukis 'terbatas' dalam menghasilkan mural termasuk graffiti kerana terikat pada kehendak pihak pelaksana atau pelanggan projek mereka.

"Pelukis seni jalanan masing-masing memang ada kreativiti dan idea bagaimana untuk mewujudkan hasil seni 'lain dari yang lain'? untuk menarik pengunjung ke situ sahaja, sebab di situ ada hasil seni 'lain dari yang lain' itu, tetapi akhirnya akan dikawal oleh pelanggan ataupun terikat pada norma-norma propaganda tertentu."

(Sambungan di muka 7).

(Sambungan dari muka 6).

# Mesti 'lain dari yang lain'

"Sebab itu, akhirnya dalam semua lukisan dinding akan kita lihat mesej yang hampir sama seperti perpaduan dengan menampilkan beberapa susuk tubuh yang mewakili kaum-kaum tertentu.

"Mungkin kerana Malaysia adalah negara membangun, jadi seni budaya itu tidak seperti di negara-negara tertentu dunia yang mural ini lebih menongkah arus dengan membawa mesej anti perang, memperkatakan kepentingan setempat dan kedudukan kelas rakyat tertindas dan sebagainya dengan persembahan (hasil seni) yang unik dan tersendiri.

"Macam seni graffiti pun, secara dalaman (*indoor*) ada banyak tempat di Malaysia, cuma secara terbuka (*outdoor*) bersama-sama lukisan dinding dengan menggunakan warna pantulan cahaya tidak banyak tempat lagi.

"Jadi, elemen seni graffiti dan mural dengan menggunakan cat pantulan cahaya wajar ditonjolkan dalam (Fasa 2) projek Butterworth Street Art nanti, memang unik dan akan menjana tarikan tersendiri," katanya.

Seorang lagi responden yang mahu dikenali sebagai 'Bard Bagan' memberitahu bahawa pihaknya berharap hasil seni dalam projek fasa dua Butterworth Street Art nanti mesti lebih bermutu berbanding projek fasa pertama dulu.

"Tak kisahlah mural atau graffiti, saya harap projek penarafan Butterworth Street Art ini nanti mesti lebih bermutu berbanding fasa satu dulu.

"Nama pun Butterworth Street Art, orang nak tengok kelainan dan keunikan di tempat itu sebab tak ada di tempat lain."

"(Jadi,) janganlah mutu lukisan dinding itu macam hasil seni seorang pelatih atau pelajar, yang mana mereka yang dipertanggungjawab mesti 'ahli' dalam bidang berkaitan," katanya.

Difahamkan, Fasa 1 Butterworth

*Street Art* diwujudkan seiring dengan penganjuran Festival Pinggiran Butterworth (BFF) dengan matlamat meremajakan semula bandar dan lorong-lorong terbiar supaya mengikut acuan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Dikatakan, saban tahun sejak 2017, Butterworth Street Art menerima kira-kira 25,000 pengunjung domestik dan pelancong asing.

Melihat potensi Butterworth Street Art sebagai produk pelancongan negara dan negeri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah meluluskan sejumlah RM210,000 untuk kerja-kerja penaiktarafan kawasan tersebut (Fasa 2) yang bermula pada 1 November 2024 dan sepatutnya siap pada tahun ini.

Pada 23 Februari 2025, mantan Ketua Menteri, Lim Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih menyempurna acara gimik perasmian bagi Fasa 2 projek penaiktarafan Butterworth Street Art dekat Lorong Bagan Luar.

Berucap pada majlis sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Baderul Amin Abdul Hamid memberitahu bahawa bagi tahun 2025, pihaknya menerima sejumlah RM250,000 untuk membaik pulih mural dan lampu hiasan di kawasan tersebut.

"Ini, membuktikan sokongan berterusan kerajaan dalam memajukan inisiatif ini.

"Butterworth Street Art diharap terus berkembang sebagai ikon pelancongan warisan yang sejarah dengan aspirasi Penang 2030," jelasnya.

Menerusi Facebook peribadi, ADUN Bagan Dalam, K. Kumaran pula menyatakan bahawa pihaknya berharap langkah memperindah kawasan lorong belakang sepanjang 100 meter (m) dekat Butterworth Street Art, kelak memberi nafas baharu pada seni dan budaya tempatan.



**FERI Pulau Pinang, bangunan Komtar dan pokok pinang juga dipaparkan pada dinding bangunan di sini.**




**MAKANAN terbaik yang terdapat di negeri ini dijadikan sebagai latar mural di Butterworth Street Art.**



**IDENTITI** Pulau Pinang disematkan di salah satu sudut menarik di sini.





Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**  
Gambar : **LAW SUUN TING**

**D**AHULU pernah dianggap sebagai salah sebuah sekolah yang bermasalah, namun reputasi sekolah ini bertambah baik dan menerusi transformasi luar biasa menerusi pelbagai pencapaian membanggakan, baik dari segi akademik maupun kurikulum.

Baru-baru ini, sekolah yang dimaksud, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kampong Kastam yang terletak di Butterworth, berjaya menjulang Anugerah Sekolah Hijau Peringkat Negeri Pulau Pinang pada tahun lalu bagi kategori sekolah menengah.

Pengetua sekolah, **R. SUGUMARAN** mengaitkan kemenangan tersebut adalah hasil usaha semua pihak termasuk ibu bapa yang memilih untuk mendaftarkan anak-anak mereka di sekolah berkenaan.

RUANGAN kitar semula.



# Ekspresi Kreativiti suntik inspirasi

R. Sugumaran.

Bukan hanya berjaya meraih kemenangan dalam inisiatif hijau, sekolah yang ditubuhkan pada tahun 1963 itu juga menunjukkan peningkatan kemenangan, tetapi untuk menanamkan budaya penjagaan alam sekitar dan kelestarian dalam kalangan pelajar kami.

"Kami menggalakkan para pelajar untuk tidak membeli minuman dalam botol bagi mengurangkan sisa plastik, jadi setiap pelajar di SMK Kampong Kastam mesti membawa botol air mereka sendiri.

"Jika mereka (pelajar) memerlukan air, mereka boleh mengisi semula dari pembagi air (*water dispenser*) yang disediakan," katanya kepada Buletin Mutiara dalam sesi temu bual di sekolah berkenaan hingga Tingkatan 5.

Lebih mengagumkan, salah satu kelas Tingkatan 5, satu perempat daripada pelajarnya memiliki cabaran fizikal dan sekolah berkenaan dalam usaha mendapatkan tenaga pengajar berkeperluan khas untuk menyokong peningkatan prestasi dan keperluan pelajar-pelajar tersebut.

## Sekolah dalam taman

Menurut Sugumaran, sebelum menyertai Program Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang, SMK Kampong Kastam telahpun mengamalkan inisiatif hijau.

"Kami telah menanam pokok dan menambah kehijauan dalam kawasan sekolah sebelum menyertai pertandingan ini (Anugerah Sekolah Hijau).



## Pencapaian dan kejayaan

Penolong Kanan (Pentadbiran), **DR. K. VICKNEASVARI** ketika ditemui, turut menekankan bahawa dedikasi para guru, pelajar dan ibu bapa sebagai kekuatan yang mendorong pencapaian cemerlang serta kejayaan sekolah.

"Para guru di SMK Kampong Kastam sangat bersemangat tentang kehijauan dan sedia menyertai mana-mana projek yang dimulakan oleh sekolah."

"Inisiatif 'Satu Kelas, Satu Kebun' telah membolehkan bukan sahaja guru tetapi juga pelajar mengekspresikan kreativiti mereka sambil memberi inspirasi kepada keluarga mereka untuk mengamalkan amalan yang lebih hijau dan lestari," katanya.

"Para guru tidak menyokong pembuangan barang, sebaliknya memberi tumpuan kepada kitar semula yang mana saya percaya (bahawa) pemikiran sebegini memainkan peranan dalam memberi inspirasi untuk mengambil bahagian dalam Program Anugerah Hijau Sekolah Pulau Pinang."

"Apabila kami meminta pelajar yang mempunyai masa lapang untuk membantu dengan tugas tertentu pada

hari Sabtu, ramai yang datang dengan penuh semangat.

"(Dan) sebagai tanda penghargaan, kami (pihak sekolah) akan memberikan mereka pengiktirafan tingkah laku baik dalam kad laporan mereka.

"Kami juga terkejut melihat betapa yakini pelajar kami menerangkan projek hijau mereka kepada penilai - tanpa sebarang bantuan daripada guru," kongsikan Dr. Vickneasvari.

Bercakap mengenai daya usaha inisiatif hijau, Dr. Vickneasvari memberitahu bahawa mereka bermula dengan inisiatif 'Bawa Botol Air Sendiri' sebelum beralih pada penjagaan tumbuhan yang sudah ada di sekolah.

"Ini disusuli dengan penambahan lebih banyak sudut hijau dan peruntukan 'taman' khusus untuk setiap badan sekolah atau kelab.

"Beberapa pokok turut disumbangkan oleh guru-guru dan SMK Convent Pulau Tikus sebelum sekolah tersebut ditutup pada tahun 2023.

"Selain itu, sekolah juga ada menyertai program 'Menanam Satu Juta Pokok Dalam Satu Hari', yang dipelopori oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak, tahun lepas yang mana sebanyak 150 pokok telah ditanam di dalam kawasan sekolah.

"Satu lagi pencapaian membanggakan bagi SMK Kampong Kastam adalah meraih tempat kedua dalam pertandingan 'Edible Garden in Class' (*eGas*) anjuran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), semasa Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro-Pelancongan Malaysia (MAHA 2024).

"Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, sekolah berjaya menanam terung, bendi, labu, pandan, serai, dan lengkuas," jelasnya.

## Pengerak projek sekolah hijau

Salah seorang penggerak utama projek 'Sekolah Hijau' di SMK Kampong Kastam ialah guru sekolah **LYDIA LIREK ANYIE**.

Selain Lydia, rakan seperjawatan yang turut sama-sama mengerakkan inisiatif hijau ialah Chin Chooi Peng yang telah berpindah ke sekolah lain selepas mendapat kenaikan pangkat.

Berkongsi pengalaman, Lydia memaklumkan bahawa tahun-tahun pasca COVID-19, pihak sekolah telah memperkenalkan inisiatif hijau sulung.

"Setiap kelab, persatuan dan badan beruniform bertanggungjawab untuk membantu dengan tugas tertentu pada



LYDIA Lirek Anyie.



ANTARA sudut menarik yang terdapat di sini.

daripada 11 peratus iaitu penjimatan antara RM4,000 hingga RM5,000 berbanding tahun sebelumnya.

"Usaha ini telah memberikan sekolah penarasian lima bintang untuk penjimatan elektrik daripada Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP).

"Kami (pihak sekolah) menggalakkan pelajar menggunakan bahan kitar semula dan pasu bunga dalam menghias bilik darjah dengan tumbuh-tumbuhan."

"

"Ia bukan sahaja meningkatkan keceriaan ruang tetapi juga memperbaiki kualiti udara dengan penghasilan lebih banyak oksigen.

"

"Dari semasa ke semasa, kami (pihak sekolah) perhatikan bahawa seiring dengan pelajar yang mengambil tanggungjawab lebih besar terhadap tumbuh-tumbuhan, keyakinan mereka juga meningkat dalam persekitaran yang kondusif," jelas Lydia.

Tambah Lydia lagi, tahun lalu, SMK Kampong Kastam menjadi tuan rumah bagi Sesi Perkongsian Amalan Terbaik Antarabangsa (IBPSS) 5.0, yang mana sekolah-sekolah dari Malaysia (Sabah, Melaka, Johor, dan Pulau Pinang); China; Jepun; Indonesia dan India bertukar-tukar idea mengenai kelestarian.

"SMK Kampong Kastam meraih peringkat antarabangsa, dengan sesi siaran langsung di Facebook berjaya

menarik lebih 5,000 tontonan.

"Sebagai menyokong seruan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan plastik sekali guna, para guru di sekolah ini juga digalakkan untuk membawa bekas makanan sendiri, manakala kantin sekolah telah beralih kepada penggunaan beg kertas dan penyedut minuman dari keluli tahan karat atau kertas."

"Di luar kawasan sekolah, pelajar dan ibu bapa juga sangat aktif menyertai gotong-royong seperti 'World Clean Up Day', membantu membersihkan Pantai Robina dan Pantai Bersih serta gotong-royong di Taman Riang di Butterworth," ceritanya.

## Perancangan masa depan

Kejayaan SMK Kampong Kastam, jelas Lydia, dibina atas kerjasama yang kukuh dari pelbagai pihak dan organisasi.

"Ini termasuk Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP); Penang Green Council (PGC); Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang; Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP); Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang."

"Selain itu, Persatuan Ibu Bapa dan

Guru (PIBG) SMK Kampong Kastam; Pejabat Ahli Parlimen Bagan; Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP); PBAPP; Universiti Sains Malaysia (USM); Bengkel Pendidik Hijau (GREW); The Regional Centre for Education in Science and Mathematics (RECSAM) dan alumni sekolah turut membantu SMK Kampong Kastam melakar kejayaan demi kejayaan," katanya.

Apabila diajukan pertanyaan mengenai perancangan masa depan, Lydia berkongsi bahawa pihak sekolah sedang merancang untuk memasang pam air berkuasa solar untuk kolam ikut mereka.

"Pada masa sama, kami (pihak sekolah) juga akan menggalakkan lebih ramai pelajar untuk menyertai projek inovatif berdasarkan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)."

"Pelajar hari ini mampu berfikir secara kritis dan kreatif dan kami (pihak sekolah) ingin memberikan mereka platform untuk merealisasikan idea-idea mereka."

"Kini, menghargai alam sekitar telah menjadi cara hidup para guru dan pelajar di SMK Kampong Kastam," ujarnya menutup bicara.



SINKI unik menggunakan tong drum di kantin.

ADUN	No Tel/ No Faks	ADUN	No Tel/ No Faks	ADUN	No Tel/ No Faks
<b>N.26 PADANG KOTA</b> YAB Chow Kon Yeow <a href="mailto:chowkonyeow@penang.gov.my">chowkonyeow@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218	<b>N.09 BAGAN DALAM</b> YB Kumaran Krishnan @ Calvin <a href="mailto:bagandalamn09@gmail.com">bagandalamn09@gmail.com</a>	(T) 04 - 313 1002 (F)	<b>N.01 PENAGA</b> YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
<b>N.37 BATU MAUNG</b> YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid <a href="mailto:mohdhamid@penang.gov.my">mohdhamid@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442	<b>N.13 BERAPIT</b> YB Heng Lee Lee <a href="mailto:berapit@dappg.org">berapit@dappg.org</a>	(T) 017 - 813 3509 (F) 04 - 540 0006	<b>N.03 PINANG TUNGGAL</b> YB Bukhori Ghazali	(T)
